

Persepsi Pelajar Spi Terhadap Matapelajaran Manhaj Altafsir

Abdul Hafiz Bin Abdullah & Muhamad Balya Bin Abd Rashid
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Aspek yang dikaji ialah penguasaan pelajar SPI terhadap matapelajaran, proses pengajaran dan pembelajaran, dan kepentingan matapelajaran tersebut. Seramai 115 pelajar SPI telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Darjah kebolehpercayaan (alpa cronbach) bagi instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.864. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS 12.0). Analisis data dilakukan secara deskriptif (frekuensi dan peratus). Dapatan kajian menunjukkan pelajar SPI mempunyai persepsi yang positif dan minat yang tinggi terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Secara keseluruhannya, persepsi terhadap kepentingan matapelajaran ini berada pada tahap tinggi dengan nilai skor 4.15. Penguasaan terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir mencatatkan nilai skor min yang sederhana iaitu 3.61. Manakala purata min bagi proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Manhaj al-Tafsir ialah 3.80 iaitu berada pada tahap yang tinggi.

Abstract: The purpose of having this research is to identify the perception of SPI student for subject Manhaj al-Tafsir. The aspects that are going to be studied here is student understanding for this subject, the teaching and learning process and the importance of this subject. There are 115 students have been chosen as the samples in this research. The instrument which is used in this research including questionnaire which is constructed by the researcher. The reliability degree (alpha cronbach) for this research is 0.864. The data were analyzed by Statistical Package For Social Science (SPSS 12.0) software with descriptive analysis (by frequency and percentage). The outcome of the research represent the SPI students have a positive perception and high interest about Manhaj al-Tafsir subject. For overall, the perception of the importance this subject was present in the highest level and the value of mean is 4.15. The understanding for this subject represent the medium mean score with 3.16, while the mean average for teaching and learning for this subject is 3.80 which are in the highest level.

Katakunci: matapelajaran Manhaj al-Tafsir, persepsi pelajar

Pengenalan

Proses mendalami ilmu al-Qur'an pentafsiran merupakan satu aspek yang terpenting dalam memahami isi kandungannya dan ianya juga dikira sebagai asas pembinaan generasi muslim yang celik ilmu pengetahuan. Menurut Muhamad Ali al-Shabuni (1996: 89) Tafsir merupakan kunci gudang penyimpanan yang terkandung dalam al-Qur'an. Tanpa dengannya kita tidak mungkin sampai kepada gudang penyimpanan yang penuh dengan permata mutiara itu. Menurut Mazlan Ibrahim (2002: 3) Tujuan yang paling tinggi dari tafsir iaitu menzahirkan hidayah al-Qur'an dan pengajarannya serta menerangkan maksud yang dikehendaki oleh Allah S.W.T.

Pernyataan Masalah

Matapelajaran Manhaj al-Tafsir merupakan matapelajaran teras, yang wajib di ambil oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam). Kod mata pelajaran ini ialah SLQ 2112 yang mana akan ditawarkan kepada pelajar pada semester pertama tahun kedua pengajian.

Berdasarkan kepada pengalaman penyelidik yang telah mengambil matapelajaran ini pada semester I sesi 2005/ 2006 yang lalu, Pemahaman serta penguasaan pelajar termasuk penyelidik sendiri, terhadap ilmu Manhaj al-Tafsir masih lagi di suatu tahap yang kurang memuaskan. Penyelidik juga percaya pelajar-pelajar lain juga beranggapan sedemikian , berdasarkan pemerhatian penyelidik bersama mereka ketika perbincangan, pembentangan kertas kerja dan sebagainya.

Oleh itu, berdasarkan kepada situasi tersebut, maka penyelidik merasakan suatu keperluan untuk menjalankan kajian ini bagi meninjau dan mengetahui persepsi pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir, sejauhmana penguasaan pelajar SPI, proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Manhaj al-Tafsir serta kepentingan matapelajaran Manhaj al-Tafsir kepada mereka.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti penguasaan pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir.
2. Mengenalpasti persepsi pelajar SPI terhadap proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Manhaj al-Tafsir.
3. Mengenalpasti persepsi pelajar SPI terhadap kepentingan matapelajaran Manhaj al-Tafsir.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir yang merangkumi aspek penguasaan pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran, kepentingannya kepada pelajar. Berpandukan kajian yang dijalankan ini adalah diharapkan dapat memberi suatu input dan maklumat yang berguna kepada PPIPS dan Fakulti Pendidikan, serta meneliti langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk meningkatkan lagi kualiti dan penguasaan pelajar SPI dalam bidang pengajian mereka.

Bagi pihak UTM pula, hasil kajian ini boleh dipertimbangkan dari aspek untuk menilai secara spesifik aspek penambahan matapelajaran yang memfokuskan kepada pengajian Tafsir al-Qur'an bagi kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) pada masa akan datang.

Untuk bidang pendidikan khususnya pendidikan Islam, kajian ini diharap dapat memberi idea kepada pensyarah yang mengajar subjek-subjek pengajian Islam di IPT untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam memilih pendekatan pengajaran yang akan digunakan sesuai dengan kemampuan dan keselesaan para pelajarnya.

Kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidik-penyelidik lain pada masa akan datang yang ingin menjalankan kajian lanjutan tentang masalah-masalah yang berkaitan.

Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada persepsi pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir dan hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar daripada kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM sahaja. Lebih khusus lagi, ia melibatkan kesemua pelajar yang telah mengambil matapelajaran ini pada sesi I, 2005/2006, I, 2006/2007 dan I, 2007/2008.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam sesuatu penyelidikan pendidikan, mengenal pasti populasi merupakan perkara penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul. Di samping itu, populasi juga menentukan masa, tenaga dan perbelanjaan yang akan digunakan untuk melaksanakan penyelidikan. Kaedah persampelan yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah persampelan bertujuan.

Mengikut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 37), populasi merujuk kepada kelompok individu yang akan diselidik. Oleh itu, semua ahli dalam kelompok ini dipanggil populasi. Justeru, dalam kajian ini, populasi kajian merupakan semua pelajar SPI yang mengikuti pengajian sepenuh masa di UTM.

Manakala sampel pula ialah ahli daripada kumpulan tersebut yang telah mengambil matapelajaran Manhaj al-Tafsir, iaitu pelajar tahun 2, tahun 3 dan tahun 4 SPI. Jumlah sampel yang digunakan di dalam kajian ini terdiri daripada 115 orang pelajar SPI Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik. Menurut Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999: 88) soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan beberapa sebab, antaranya:

- i. Soal selidik dapat memperolehi data dengan lebih tepat dan penyelidik berkeyakinan bahawa responden dapat memberikan tindak balas yang berkesan terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan kaedah lain.
- ii. Soal selidik boleh membantu penyelidik berhubung dengan responden dengan lebih cepat.
- iii. Soal selidik dapat menjimatkan masa, tenaga serta perbelanjaan penyelidikan.

Satu set soalan soal selidik digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklum balas bagi masalah yang dikaji. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A B, C dan D.

Bahagian A merupakan bahagian yang mengandungi soalan-soalan demografi yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden seperti jantina, umur, sesi kemasukan, kelulusan dan CGPA terakhir.

Bahagian B, C, dan D pula merujuk kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan iaitu, mengenalpasti penguasaan pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir, persepsi pelajar SPI terhadap proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Manhaj al-Tafsir dan persepsi pelajar SPI terhadap kepentingan matapelajaran Manhaj al-Tafsir.

Keputusan

Jadual 1: Mengenalpasti Penguasaan Pelajar Spi Terhadap Matapelajaran Manhaj al-Tafsir

Bil	Item		TS		KS		S		Min
			1	2	3	4	5		
1	Saya mendapat keputusan yang cemerlang dalam matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> .	<i>f</i>	0	3	23	68	21	3.93	
		%	0	2.6	20	59.1	18.3		
2	Saya memahami dengan jelas keseluruhan topik matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> .	<i>f</i>	0	1	40	62	12	3.74	
		%	0	0.9	34.8	53.0	10.4		
3	Matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> adalah sukar bagi saya.	<i>f</i>	3	16	31	41	4	3.23	
		%	2.6	13.9	44.3	35.7	3.5		
4	Sukatan Matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> dapat difahami dengan mudah.	<i>f</i>	0	3	37	68	7	3.69	
		%	0	2.6	32.2	59.1	6.1		
5	Saya dapat menerangkan metode- metode yang digunakan untuk mentafsirkan al-Qur'an.	<i>f</i>	0	3	39	66	7	3.67	
		%	0	2.6	33.9	57.4	6.1		
6	Saya yakin untuk mengajar matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> kepada orang lain.	<i>f</i>	0	10	53	47	5	3.40	
		%	0	8.7	46.1	40.9	4.3		
7	Saya tidak memahami metode- metode yang digunakan oleh para mufassir dalam mentafsirkan al-Qur'an.	<i>f</i>	9	39	51	16	0	3.36	
		%	7.8	33.9	44.3	13.9	0		
8	Saya boleh menyenaraikan pembahagian metode <i>Tafsir bi Ma'thur</i> .	<i>f</i>	0	8	49	54	4	3.47	
		%	0	7	42.6	47	3.5		
9	Saya dapat membezakan metode- metode pentafsiran al-Qur'an.	<i>f</i>	0	5	29	76	5	3.70	
		%	0	4.3	25.2	66.1	4.3		
10	Saya selalu merujuk buku- buku atau rujukan yang lain jika tidak memahami sesuatu topik yang dipelajari	<i>f</i>	1	2	16	85	11	3.90	
		%	0.9	1.7	13.9	73.9	9.6		
dalam matapelajaran ini									
Purata Nilai Min								3.61	

Jadual 1 di atas merangkumi keseluruhan dapatan item yang dikemukakan berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu Mengenalpasti Penguasaan Pelajar Spi Terhadap Matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Analisis mendapati purata nilai min daripada sepuluh item yang dikemukakan ialah 3.61 kedudukan pada tahap yang sederhana.

Jadual 2: Mengenalpasti Persepsi Pelajar Spi Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Matapelajaran Manhaj al-Tafsir.

Bil	Item		TS		KS		S		Min
			1	2	3	4	5		
11	Pensyarah memberi penerangan maklumat berkaitan mata pelajaran di awal semester (objektif hasil pembelajaran, rancangan pengajaran, penilaian, rujukan)	<i>f</i>	0	2	10	75	28	4.12	
		%	0	1.7	8.7	65.2	24.3		
12	Pensyarah membuat rumusan dan penekanan ke atas kandungan penting pengajaran	<i>f</i>	0	2	15	73	25	4.05	
		%	0	1.7	13	63.5	21.7		
13	Pensyarah memberikan contoh-contoh yang relevan dengan isi pengajaran untuk membantu pelajar memahami konsep yang dipelajari	<i>f</i>	0	1	16	76	22	4.03	
		%	0	0.9	13.9	66.1	19.1		
14	Pengajaran pensyarah menarik dan tidak membosankan	<i>f</i>	0	7	25	60	23	3.86	
		%	0	6.1	21.7	52.2	20		
15	Pensyarah mempelbagaikan teknik dan kaedah pengajaran	<i>f</i>	0	10	39	53	13	3.60	
		%	0	8.7	33.9	46.1	11.3		
16	Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan pensyarah tidak menarik minat saya mempelajari matapelajaran ini.	<i>f</i>	15	51	40	8	1	3.62	
		%	13	44.3	34.8	7	0.9		
17	Teknik dan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah ketika proses pengajaran dan pembelajaran dapat menarik minat saya untuk mempelajari matapelajaran ini.	<i>f</i>	0	4	23	73	15	3.86	
		%	0	3.5	20	63.5	13		
18	Sebelum pensyarah memulakan pengajaran, saya terlebih dahulu membuat rujukan dan ulangkaji.	<i>f</i>	0	6	49	52	8	3.54	
		%	0	5.2	42.6	45.2	7		
19	Saya selalu berbincang dengan pensyarah berkaitan dengan isu-isu semasa yang berkaitan dengan topik-topik yang telah dipelajari.	<i>f</i>	1	6	47	56	5	3.50	
		%	0.9	5.2	40.9	48.7	4.3		
20	Saya akan mengemukakan soalan kepada pensyarah, jika tidak memahami topik-topik yang telah dipelajari.	<i>f</i>	1	3	21	78	12	3.84	
		%	0.9	2.6	18.3	67.8	10.4		
Purata Nilai Min								3.80	

Jadual 2 di atas, menunjukkan keputusan keseluruhan analisis daripada item-item yang dikemukakan untuk objektif yang kedua iaitu, Mengenalpasti Persepsi Pelajar Spi Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Keseluruhan item mempunyai nilai min yang tinggi iaitu melebihi nilai 3.50 Setelah perkiraan dibuat, purata keseluruhan bagi min objektif kajian yang kedua ini ialah 3.80 menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi.

Jadual 3: Mengenalpasti Persepsi Pelajar Spi Terhadap Kepentingan Matapelajaran Manhaj al-Tafsir

Bil	Item		TS		KS		S		Min
			1	2	3	4	5		
21	Matapelajaran ini dapat membantu meningkatkan CGPA saya.	f	1	5	18	66	25	3.94	
		%	0.9	4.3	15.7	57.4	21.7		
22	Sebagai pelajar pengkhususan dalam bidang pengajian Islam matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> penting bagi saya	f	0	0	6	64	45	4.34	
		%	0	0	5.2	55.7	39.1		
23	Saya akan berasa rugi jika tidak mempelajari matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> .	f	0	0	2	66	47	4.39	
		%	0	0	1.7	57.4	40.9		
24	Setelah mempelajari <i>Manhaj al-Tafsir</i> , saya dapat menambahkan lagi pengetahuan berkaitan dengan ilmu pentafsiran al-Qur'an.	f	0	0	1	72	42	4.36	
		%	0	0	0.9	62.6	36.5		
25	Saya berpendapat matapelajaran ini tidak penting untuk kursus SPI.	f	54	32	27	2	0	4.20	
		%	47	27.8	23.5	1.7	0		
26	Matapelajaran ini memberi motivasi dan menaikkan semangat kepada saya untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pentafsiran al-Qur'an.	f	0	0	4	80	31	4.23	
		%	0	0	3.5	69.6	27		
27	Saya dapat menjelaskan metode-metode pentafsiran yang tidak boleh digunakan untuk mentafsirkan al-Qur'an.	f	1	7	34	45	39	3.70	
		%	0.9	6.1	29.6	39.1	33.9		
28	Matapelajaran ini tidak dapat meningkatkan pengetahuan dalam bidang pentafsiran al-Qur'an kepada saya.	f	39	45	30	1	0	4.06	
		%	33.9	39.1	26.1	0.1	0		
29	Saya telah terdorong untuk mengkaji al-Qur'an secara mendalam setelah mempelajari matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> .	f	0	1	26	66	22	3.95	
		%	0	0.9	22.6	57.4	19.1		
30	Intisari kandungan matapelajaran <i>Manhaj al-Tafsir</i> banyak memberi manfaat kepada	f	0	1	4	72	38	4.28	
		%	0	0.9	3.5	62.6	33		
	saya.								
Purata Nilai Min								4.15	

Jadual 3 di atas merangkumi keseluruhan dapatan item yang dikemukakan berdasarkan objektif kajian yang ketiga Mengenalpasti Persepsi Pelajar Spi Terhadap Kepentingan Matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Analisis mendapati purata nilai min daripada sepuluh item yang dikemukakan ialah 4.15, iaitu kedudukan

persetujuan responden pada tahap yang tinggi.

Perbincangan

Latar Belakang Responden

Daripada hasil dapatan analisis menunjukkan responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, seramai 115 responden telah menjawab soal selidik yang dikemukakan. Jadual 4.1 menunjukkan responden terdiri daripada lelaki dan juga perempuan. Seramai 34 pelajar lelaki atau meliputi sebanyak 29.6% terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini. Manakala pelajar perempuan yang terlibat terdiri daripada 81 pelajar atau 70.4%.

Nisbah diantara pelajar lelaki dengan wanita adalah begitu tinggi iaitu 2.4:1. Fenomena ini telah menjadi perkara yang biasa dalam bidang pendidikan, Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2005: 190) menyatakan salah satu isu yang mendominasi profesion keguruan di Malaysia ialah ketidakseimbangan jantina dengan jumlah majoriti guru adalah terdiri daripada guru perempuan. Kira-kira 90% guru yang berkhidmat dalam profesion ini dimonopoli oleh kaum perempuan. Pada pandangan penyelidik hal ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya minat golongan wanita yang tinggi untuk menceburi dalam bidang ini, selaras dengan fitrah seorang wanita yang lebih perihatin, penyayang yang mana unsur ini amat diperlukan dalam bidang pendidikan. Berlainan pula dengan sikap dan fitrah seorang lelaki yang lebih menampakkan kecenderungan yang lebih tinggi dalam bidang yang lebih mencabar.

Faktor yang kedua ialah kelayakan untuk mengikuti kursus- kursus pendidikan di institusi pengajian tinggi, ramai di kalangan calon- calon lelaki yang menduduki SPM ataupun STPM tidak dapat mencapai keputusan yang melayakkan mereka mengikuti kursus pendidikan, tetapi golongan wanita dapat mendominasi kecemerlangan SPM atau STPM seterusnya melayakkan mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan minat masing- masing.

Dari segi klasifikasi umur responden pula menunjukkan bilangan yang paling ramai responden adalah dalam lingkungan umur 23 hingga 24 tahun iaitu sebanyak 85.2% diikuti dengan umur diantara 21 hingga 22 tahun mencatatkan 27%. Manakala responden yang berumur 25 tahun ke atas mencatatkan sebanyak 14.8% dan 0.9% responden yang berumur diantara 19 hingga 20 tahun. Diantara faktor yang menyebabkan golongan 23 hingga 24 tahun menjadi majoriti ialah kemasukan mahasiswa SPI adalah berdasarkan kelulusan STAM, STPM dan Diploma.

Seterusnya adalah analisis bagi tahun pengajian responden yang terlibat. Bilangan responden paling ramai ialah pelajar 3 SPI seramai 49 orang (42.6%). Manakala yang kedua tertinggi adalah terdiri daripada pelajar tahun 4 SPI iaitu 34 orang (29.6%). 32 orang responden daripada 2 SPI bersamaan dengan 27.8%. Walaubagaimanapun, angka ini tidak menggambarkan komuniti yang sebenar bagi setiap tahun pengajian kerana terdapat segelintir daripada responden yang tidak menjawab ataupun tidak memulangkan balik borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada mereka.

Bagi klasifikasi kelulusan responden pula, majoriti responden adalah daripada lulusan Siji Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang mencatatkan sebanyak 59% . Responden yang lain pula adalah daripada lulusan diploma dari pelbagai pusat pengajian tinggi seperti Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR) yang kini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Institut Teknologi Darul Naim (ITD), Kolej Teknologi Islam Melaka dan juga Maktab Pengajian Islam (MPI) yang mencatatkan 20.9%. Manakala responden berkelulusan STAM agak sedikit bilangan mereka iaitu sebanyak 20% memandangkan pengambilan pelajar dari lulusan STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia) baru bermula pengambilannya iaitu mula dibuka bagi kemasukan sesi I 2006/2007.

Berkenaan dengan taburan CGPA (Cumulative Grade Point Average) terakhir responden, bilangan responden yang CGPA mereka berada di antara 3.00 – 3.49 adalah hampir tiga perempat daripada jumlah responden. Diikuti dengan responden yang memperoleh CGPA sekitar 3.50 – 4.00. Manakala hanya sedikit responden yang CGPA mereka berada di bawah 2.99.

Mengenal Pasti Penguasaan Pelajar SPI Terhadap Matapelajaran Manhaj al-Tafsir

Berdasarkan kepada dapatan analisis kajian yang telah dijalankan, min purata bagi keseluruhan item untuk objektif yang pertama mencatatkan sebanyak 3.61 iaitu pada tahap persetujuan yang sederhana. Ini menunjukkan penguasaan secara keseluruhan pelajar SPI adalah pada tahap yang sederhana. Sebanyak 10 item telah dibina untuk mengenalpasti penguasaan pelajar SPI terhadap matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Item 1 menunjukkan min yang tertinggi iaitu 3.93 menunjukkan majoriti pelajar SPI yang telah mengambil matapelajaran ini, mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Min yang terendah adalah pada item 3, mencatatkan sebanyak 3.23, iaitu pada tahap yang sederhana. Item ini adalah berkaitan matapelajaran Manhaj al-Tafsir sukar bagi mereka, ini menunjukkan matapelajaran ini bukanlah terlalu sukar untuk dikuasai jika pelajar mempunyai minat dan rajin membuat ulangkaji untuk sesuatu matapelajaran. Hasil Dapatan item 3 disokong oleh pernyataan mereka memahami dengan jelas keseluruhan topic matapelajaran Manhaj al-Tafsir, yang mencatatkan min sebanyak 3.74. Ini menunjukkan majoriti daripada responden bersetuju mereka memahami keseluruhan topik matapelajaran Manhaj al-Tafsir.

Begitu juga pada item 4 menunjukkan separuh daripada responden bersetuju dengan pernyataan sukatan matapelajaran Manhaj al-Tafsir dapat difahami dengan mudah. Item ini menunjukkan perkaitan dengan item 2 dan item 3, dapatan kajian menunjukkan responden menyatakan matapelajaran ini tidaklah terlalu sukar untuk dikuasai dan juga majoriti daripada mereka mempunyai kefahaman yang jelas terhadap topik-topik yang dipelajari.

Bagi item 5, 7, 8 dan 9 adalah pernyataan yang berkaitan dengan kefahaman dan penguasaan terhadap metode- metode pentafsiran al-Qur'an, min purata bagi keempat-empat item tersebut ialah 3.55 iaitu pada tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis ini, ia memberi gambaran bahawa terdapat juga responden yang tidak dapat memahami dan menguasai dengan baik metode-metode yang digunakan untuk mentafsirkan al-Qur'an. Walaubagaimanapun, dengan nilai min 3.55 kebanyakan responden memberikan tindakbalas yang positif terhadap item-item yang dijelaskan di atas.

Begitu juga dengan sejauhmana keyakinan untuk mengajar matapelajaran ini kepada orang lain, min yang didapati ialah 3.40 iaitu pada tahap yang sederhana. Ini adalah sangat berkaitan dengan penguasaan mereka secara keseluruhan untuk subjek ini. Terdapat sesetengah daripada responden yang tidak dapat menguasai dengan baik topik-topik matapelajaran ini, mereka tidak akan mempunyai keyakinan untuk menyampaikan kepada orang lain.

Mengenalpasti Persepsi Pelajar SPI Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Matapelajaran Manhaj al-Tafsir

Seterusnya bagi objektif kedua, penyelidik telah membina 10 item soalan yang dijangka dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Item-item soalan yang didirikan adalah menjurus kepada proses pembelajaran pembelajaran Matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Pada item yang pertama dalam bahagian ini iaitu item 11, penyelidik ingin mengenal pasti terlebih dahulu secara umumnya tentang adakah pensyarah memberi penerangan maklumat yang berkaitan matapelajaran di awal semester. Min yang didapati bagi item ini menunjukkan responden memberikan respon yang sangat positif iaitu 4.12. Hanya 1.7% daripada responden memberikan respon yang negatif, yang mana mereka tidak bersetuju dengan pernyataan item 11.

Begitu juga dengan item 12 mencatatkan min yang tinggi iaitu sebanyak 4.05, menunjukkan majoriti daripada mereka bersetuju bahawa pensyarah membuat rumusan dan penekanan dalam pengajaran mereka. Item ini adalah saling berkaitan dengan pernyataan item sebelas, kedua-dua item ini mencatatkan respon yang positif daripada responden, hal ini sebenarnya menggambarkan pensyarah telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh amanah, berdedikasi dan mempunyai daya kreatif dan kritis dalam pengajaran agar objektif pengajaran tercapai dengan jayanya. Hal ini telah disokong oleh Abd. Rahim Abd. Rashid (2005: 128) yang menjelaskan guru haruslah menentukan apakah objektif pembelajaran yang akan menjadi asas panduan pengajaran guru, iaitu apakah yang akan dicapai oleh pelajar selepas sesuatu pengajaran.

Analisis dapatan bagi item 13 juga menunjukkan responden telah memberikan respon yang positif, jika dilihat daripada nilai min iaitu 4.03 menunjukkan darjah persetujuan yang tinggi. Daripada keseluruhan responden hanya seorang sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan pensyarah memberikan contoh-contoh yang relevan dengan isi pembelajaran.

Bagi item 14 majoriti pelajar bersetuju mengatakan pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah menarik dan tidak membosankan. Min 3.86, iaitu pada tahap persetujuan yang tinggi, ini dapat memberikan gambaran kepada kita bahawa pensyarah telah dapat memilih pendekatan dan teknik yang bersesuaian dengan isi pengajaran untuk menarik minat pelajar. Hal ini disokong oleh Esah Sulaiman (2003: 62) yang menyatakan bahawa apabila seseorang guru itu mengajar, mereka perlulah mengaplikasikan strategi yang tertentu. Ini kerana strategi pengajaran yang digunakan menunjukkan kebijaksanaan guru memilih pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti bagi sesuatu pengajaran.

Pensyarah yang mempelbagaikan teknik pengajaran pula akan dapat menarik minat pelajar dan pensyarah seharusnya tidak terikat dengan satu-satu teknik pengajaran sahaja. Rasional pensyarah perlu mengetahui pelbagai teknik pengajaran ialah agar pensyarah dapat mengetahui teknik yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran selaras dengan keperluan pelajar. Selain itu pelajar juga berpeluang menikmati pembelajaran yang menyeronokkan memandangkan mereka didedahkan dengan pelbagai teknik pengajaran. Kenyataan di atas adalah berkaitan dengan item 15, item 16, item 17. Majoriti responden untuk ketiga-tiga item ini bersetuju dengan pernyataan masing-masing berkaitan dengan kepelbagaian teknik dan kaedah pengajaran pensyarah dan kaedah dan teknik yang digunakan menarik minat para pelajar.

Terdapat juga item-item yang dibina untuk melihat sejauhmana kesungguhan, kerajinan dan komitmen pelajar ketika mereka mempelajari matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Min 3.54 untuk item 18, berkaitan dengan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran berlaku mereka terlebih dahulu membuat rujukan dan ulangkaji. Berdasarkan kepada min yang diperolehi, ia menunjukkan tahap persetujuan pada tahap yang sederhana sahaja. Sejumlah 5.2% responden tidak membuat rujukan dan ulangkaji sebelum pensyarah memulakan pengajaran. Untuk item 19, untuk meninjau adakah mereka selalu berbincang dengan pensyarah terhadap sesuatu isu semasa yang mempunyai perkaitan dengan topik-topik yang dipelajari. Analisis menunjukkan catatan min 3.50, iaitu pada tahap yang sederhana. Walaupun begitu majoriti responden menunjukkan respon yang positif, menggambarkan mereka selalu membuat perbincangan bersama pensyarah jika terdapat isu-isu luar yang berkaitan dengan tajuk-tajuk pembelajaran. Hanya 7 responden memberikan tindakbalas yang negatif terhadap pernyataan di atas.

Walaupun bagaimanapun, pelajar akan mengemukakan soalan kepada pensyarah jika tidak memahami topik-topik yang dipelajari, mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi. Ini adalah berdasarkan catatan min yang didapati ialah 3.84, kedudukan pada tahap yang tinggi. Hal ini dapat kita simpulkan bahawa pelajar sememangnya mengambil berat untuk sesuatu topik yang dipelajari, selain itu mereka masih lagi mempunyai kesungguhan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih jelas lagi untuk sesuatu matapelajaran.

Mengenalpasti Persepsi Pelajar SPI Terhadap Kepentingan Matapelajaran Manhaj al-Tafsir

Dapatan analisis untuk objektif ketiga menunjukkan bahawa keseluruhan responden memberikan persetujuan yang tinggi terhadap item- item yang dibina untuk melihat persepsi mereka terhadap kepentingan matapelajaran Manhaj al-Tafsir. Min purata yang dicatatkan ialah 4.15, iaitu kedudukan yang tinggi. Secara keseluruhannya, majoriti responden memberikan respon yang positif untuk setiap item yang dibina.

Dapatan item yang pertama untuk objektif ketiga, iaitu item 21 yang berkaitan dengan matapelajaran Manhaj al-Tafsir dapat membantu meningkatkan CGPA mereka. Kebanyakan daripada responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, ini menunjukkan mereka mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan akhir bagi matapelajaran ini.

Mengetahui tujuan, faedah dan manfaat yang akan diperolehi apabila mempelajari ilmu Manhaj al-Tafsir akan menyebabkan pelajar lebih tekun dan gigih lagi untuk mendalaminya. Sebagai seorang pelajar yang mana bidang pengkhususan pengajian islam perlulah mengetahui kepentingan ilmu ini, kerana ia sangat berkaitan dengan al-Qur'an. Kepentingan al-Qur'an kepada seorang muslim, tiada siapa pun boleh menyangkalnya lagi kerana al-Qur'an menjadi rujukan yang utama dalam setiap aspek kehidupan di dunia dan akhirat. Untuk memahami al-Qur'an kita mesti memahami ilmu tafsirnya. Seseorang mufassir yang mentafsirkan al-Qur'an pula perlulah dapat menguasai ilmu Manhaj al-Tafsir dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan seperti yang dijelaskan di dalam bab II.

Item 22, item 23 dan item 25 adalah berkaitan dengan kepentingan mempelajari ilmu Manhaj al-Tafsir secara umumnya kepada pelajar SPI. Ketiga-tiga item tersebut mencatatkan nilai min yang tinggi, untuk item 22 nilai minnya ialah 4.34, item 23 ialah 4.39 dan item 25 mencatatkan 4.20. Keseluruhan responden memberikan persetujuan yang tinggi terhadap kepentingan ilmu Manhaj al-Tafsir. Ini menunjukkan pelajar mempunyai kesedaran, kefahaman yang jelas bahawa ilmu Manhaj al-Tafsir mempunyai perkaitan yang rapat dengan al-Qur'an.

Untuk menyokong kenyataan di atas, min 4.36 untuk item 24 memperlihatkan responden memberikan respon yang amat positif dan memberikan persetujuan yang tinggi terhadap pernyataan setelah mempelajari ilmu Manhaj al-Tafsir mereka dapat menambahkan lagi pengetahuan yang berkaitan dengan ilmu pentafsiran al-Qur'an. Begitu juga dengan item 26, matapelajaran ini memberi motivasi dan menaikkan semangat kepada mereka untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pentafsiran al-Qur'an, juga mencatatkan min yang tinggi 4.23, ini menunjukkan responden memberikan persetujuan yang tinggi dan tidak ada responden yang memberikan respon yang negatif. Perkara yang sama juga berlaku pada item 29 responden memberikan persetujuan yang tinggi kepada pernyataan mereka telah terdorong untuk mengkaji al-Qur'an secara mendalam setelah mempelajari ilmu Manhaj al-Tafsir. Ini adalah berdasarkan dapatan analisisnya, yang mana nilai min yang di dapati ialah 3.95, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi.

Item yang terakhir iaitu item ke 30 mencatatkan min yang baik iaitu 4.28, Menunjukkan keseluruhan responden bersetuju dengan intisari kandungan matapelajaran Manhaj al-Tafsir memberi manfaat kepada mereka. Hanya seorang responden memberikan respon yang negatif. Secara keseluruhannya responden sedar bahawa matapelajaran ini amat penting untuk dipelajari oleh mereka.

Rumusan

Pada bahagian ini rumusan dibuat berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi daripada bab IV sebelum ini. Rumusan ini menumpukan kepada tiga persoalan kajian seperti yang telah dinyatakan di dalam bab I, oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa:

- a. Pelajar memberikan persepsi yang positif dan kedudukan pada tahap yang sederhana terhadap penguasaan mereka dalam matapelajaran Manhaj al-Tafsir dengan catatan nilai min sebanyak 3.61.
- b. Hasil persepsi pelajar mendapati proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Manhaj al-Tafsir adalah berkesan dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.80. Majoriti pelajar bersetuju dengan teknik dan pendekatan yang di gunakan oleh pensyarah ketika proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Manhaj al-Tafsir.
- c. Hasil persepsi pelajar mendapati matapelajaran Manhaj al-Tafsir penting bagi mereka yang mengambil pengkhususan pengajian islam. Ini kerana mereka akan lebih memahami lagi ilmu yang berkaitan dengan pentafsiran al-Qur'an. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.15, iaitu pada tahap persetujuan yang tinggi.

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan kajian dan analisis yang telah di buat dapatlah dirumuskan bahawa penguasaan mahasiswa SPI terhadap matapelajaran ini pada tahap yang sederhana. Walaubagaimanapun mereka memberikan tindakbalas yang positif dari aspek proses pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh pensyarah mereka. Begitu juga mereka mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan matapelajaran ini kepada mereka.

Rujukan

- Ab. Rahim Selamat (2000). Pengurusan Sekolah Bestari. Johor Bahru: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd Rashid (2005). Profesionalisme Keguruan Prospek Dan Cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Razak Mahmud (1989). Mengenal al-Qur'an al-Karim. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Al-Zahabi, Muhammad Hussain (2003). Al-Tafsir wa al-Mufasssirun. Juz.1. Qaherah: Maktabat Wahbah.
- Al-Farmawi, Abdul Hayy (2002). Terjemahan: Rosihon Anwar. Metode Tafsir Maudhu'I Dan Cara Penerapannya. Bandung: Pustaka Setia.
- Al-Zahabi, Muhammad Hussain (2006). Aliran Yang Menyeleweng Dalam Pentafsiran Al-Qur'anul Karim (Faktor Dan Penolakan). Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Al- Shabuni, Muhammad 'Ali (1996). Terjemahan : M.Junaid Al-Hashimi. Sejarah Dan Dasar Pengajian Ilmu Al-Quran. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Catherine Soanes &- Angus Stevenson (2003). Oxford Dictionary of English Second Edition. New York: Oxford University Press.
- Esah Sulaiman (2003). Asas Pedagogi. Johor Bahru: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Fauzi bin Deraman & Mustaffa bin Abdullah (2001). Pengantar Usul Tafsir. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya & Intel Multimedia And Publication
- Hj. Abdullah Ishak (1995). Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hasan Langgulung (2003). Asas-Asas Pendidikan Islam. Jakarta:PT. Pustaka Al-Husna Baru.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (2005). Lisanul Arab. Jld 2 dan 3. Beirut: Dar alkitab al-Ilmiah.

Jalaluddin Abdul Al-Rahman, Al-Suyuti Juz.4 (1997), Al-Itqan Fi Ulum Al-Qur'an, Beirut: Maktabah Al-Ashriah.

Kamaruddin Hj. Husin Dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (2003). Pedagogi Untuk Asas Pendidikan. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Khairulhelmi Katib, Bazitah Abu Bakar, Florence Fletcher Malia (2005). Tinjauan Pelaksanaan Pembelajaran Berkumpulan Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Di Johor Bahru. Dlm: Seminar Pendidikan 2006. Fakulti Pendidikan UTM. 15 Oktober 2005

M. Quraish Shihab (1994). Membumikan Al-Qur'an, Fungsi Dan Peranan Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat. Bandung: Penerbitan Mizan.